



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

ADAT PERKAHWINAN MELAYU DAHULU DAN SEKARANG

MOHD AFIQ BIN MAHMUD (37053)

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2016**

Adat Perkahwinan Melayu Dahulu Dan Sekarang

Mohd Afiq Bin Mahmud

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report



Masters



PhD



DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

I..... **MOHD AFIQ BIN MAHMUD, 37053, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF** hereby declare that
the work entitled..... **ADAT PERKAHWINAN MELAYU DAHULU DAN SEKARANG**.....

.....is my original work. I have not copied from
any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made
explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

MOHD AFIQ BIN MAHMUD (37053)

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I..... **DR ANNA DURIN**

hereby certifies that
the work entitle..... **ADAT PERKAHWINAN MELAYU DAHULU DAN SEKARANG**.....

.....was prepared by the above named student, and
was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment
of..... **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**....and the
aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

DR ANNA DURIN

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

**325, Lorong 7, Taman Intan Mas 3,
36000, Teluk Intan ,
Perak.**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Adat Perkahwinan Melayu Dahlu Dan Sekarang**” telah disediakan oleh **Mohd Afiq Bin Mahmud** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Dr Anna Durin)

Tarikh: _____

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(MOHD AFIQ BIN MAHMUD)

37053

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan dengan berkatNya saya dapat menyempurnakan kajian mengenai adat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang. Jutaan terima kasih kepada penyelia Projek Tahun Akhir saya yang amat saya kasihi Dr Anna Durin kerana telah membimbing dan memberi tunjuk ajar selama saya menjalankan kajian sehingga proses penjilidan kajian. Tanpa bimbingan beliau, kajian ini tidak akan berhasil dengan jayanya. kesabaran dan ketekunan beliau dalam membimbing saya amatlah saya hargai. Beliau sentiasa bersemangat dalam mendidik saya dan sudi meluangkan masa tanpa mengira waktu.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga saya terutamanya ibu bapa saya yang telah menyokong saya selama saya menjalankan kajian. Nasihat ibu bapa telah memberi dorongan kepada saya untuk lebih tekun dalam menjalankan kajian. Begitu juga, adik beradik saya yang senantiasa memberi sokongan moral.

Akhir sekali kepada rakan seperjuangan program pengurusan seni saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana anda semua merupakan motivasi kepada saya agar saya sentiasa bersemangat dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Terima kasih kepada anda semua. Terima Kasih juga kepada informan saya iaitu en. Uddin dan Puan Asyikin.

Sekian. Terima Kasih.

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenalpasti aturcara tradisi adat perkahwinan Melayu tradisional dan moden di Kota Samarahan, Sarawak. Metodologi penyelidikan adalah kaedah kualitatif iaitu pemerhatian temubual dan dokumentasi. Hasil dapatan kajian didapati terdapat perbezaan yang tradisional dan moden. Perbezaannya seperti material baju pengantin dan pengurusan semasa hari persandingan.

ABSTRACT

This research program is to identify the indigenous tradition of modern and traditional Malay wedding in Kota Samarahan, Sarawak. The research methodology was qualitative methods of observation interviews and documentation. The findings showed that there were differences of traditional and modern. The difference is like a wedding dress material and management during the wedding day.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

BORANG PENGAKUAN PELAJAR

PENGHARGAAN

ABSTRAK

BAB SATU : PENGENALAN KESELURUHAN

| | | |
|-------|-----------------------------------|----|
| 1.1 | Pendahuluan Kajian | 2 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 | Kronologi Adat Perkahwinan Melayu | 4 |
| 1.4 | Majlis- Majlis | 12 |
| 1.5 | Hipotesis | 14 |
| 1.6 | Permasalahan Kajian | 16 |
| 1.7 | Objektif Kajian | 17 |
| 1.8 | Persoalan Kajian | 19 |
| 1.9 | Kerangka Kerja | 21 |
| 1.9.1 | Rangka Kerja Kajian | 22 |
| 1.10 | Skop Kajian | 23 |
| 1.11 | Kepentingan Kajian | 24 |
| 1.12 | Rumusan | 25 |

BAB DUA : KAJIAN LITERATUR

| | | |
|-----|--------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan | 26 |
| 2.2 | Hasil Kajian Lepas | 35 |
| 2.3 | Rumusan | 36 |

BAB TIGA : METODOLOGI PENYELIDIKAN

| | | |
|-------|--------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 37 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 38 |
| 3.2.1 | Kaedah Primer | 39 |
| 3.2.2 | Kaedah Sekunder | 40 |
| 3.3 | Informan | 41 |
| 3.4 | Analisis Data | 42 |
| 3.5 | Rumusan | 43 |

BAB EMPAT : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|--------------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 44 |
| 4.2 | Penganalisaan Data | 48 |
| 4.3 | Konsep Adat Perkahwinan Melayu | 59 |
| 4.4 | Sistem Pengurusan | 68 |
| 4.5 | Pemeliharaan Adat Perkahwinan Melayu | 69 |
| 4.6 | Rumusan | 70 |

BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

| | | |
|-----|-------------------------------|----|
| 5.1 | Pengenalan | 76 |
| 5.2 | Rumusan Keseluruhan Bab | 77 |
| 5.3 | Cadangan Kajian | 78 |
| 5.4 | Cadangan Pengkaji Akan Datang | 79 |
| 5.5 | Rumusan | 80 |

LAMPIRAN

BAB 1

Adat Perkahwinan Melayu Dahulu Dan Sekarang

1.1 Pendahuluan Kajian

Bab ini menerangkan tentang pengenalan yang merangkumi latar belakang kajian ,objektif kajian, persoalan kajian, kenyataan masalah, rangka kerja kajian, dan kepentingan kajian. Sebelum meneruskan ke dasar pengkajian, adalah lebih wajar dihuraikan terlebih dahulu tentang definisi disebalik istilah “adat”. H.M. Sidin dalam kajiannya mengenai “adat” bermaksud suatu kebiasaan dari suatu perbuatan yang diulang-ulang dan telah diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan hidup yang mesti dipatuhi. Hal ini menunjukkan bahawa adat merupakan suatu perbuatan ataupun amalan yang telah diterima umum oleh sesuatu komuniti dan juga boleh dikatakan sebagai sesuatu gaya hidup sesuatu masyarakat.

Adat boleh dikategorikan dalam tiga bahagian iaitu adat sebenar adat, adat diperadat dan adat dibuat-buat.Dari tiga jenis bahagian adat tersebut, hanya adat sebenar adat yang merupakan jenis adat yang tulen dan yang telah lama berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga kini.Hal ini dapat difahami dengan lebih jelas jika pengertian adat sebenar adat dikaji.Adat sebenar adat secara mudahnya membawa pengertian bernegara dan berkerajaan sendiri, beradat dan berlembaga sendiri, berundang-undang keadilan dan berkerajaan sendiri, beragama dan berkebudayaan sendiri.

Perkahwinan pula membawa maksud ikatan antara dua pasangan yang bukan muhrim antara lelaki dan perempuan.Perkahwinan daripada sudut Islam ialah apabila pihak lelaki dan wanita mengakad nikah.Perkahwinan daripada sudut masyarakat Melayu pula merupakan ikatan perkahwinan yang memerlukan adat turun temurun sebelum melaksanakan akad nikah.Jelaslah bahawa adat perkahwinan merupakan satu titik permulaan yang penting dalam masyarakat Melayu dulu dan kini.

Adat perkahwinan Melayu di Malaysia sememangnya menarik dan kreatif.Hal ini demikian kerana adat budaya Melayu terutamanya adat perkahwinan mempunyai pengaruh luar.Adat perkahwinan Melayu dipengaruhi oleh agama dan sesuatu budaya luar.Antara pengaruh yang diterapkan dalam adat Melayu seperti agama Islam, Hindhu Buddha, Kristian.

Adat perkahwinan Melayu dapat diklasifikasikan kepada dua iaitu adat perkahwinan Melayu Dahuludan sekarang.Adat perkahwinan Melayu sememangnya mempunyai banyak pengaruh luar seperti adat perkahwinan dalam Hindhu Buddha, Islam, dan Kristian.Pengaruh luar ini telah membawa satu perubahan yang besar dalam adat perkahwinan Melayu dalam masyarakat setempat di sesetengah tempat seperti Melaka pada masa tersebut.


1.2 Latar Belakang Kajian

Melayu ialah komuniti yang tinggal di dalam semua negeri di Malaysia. Hampir kesemua kawasan di Malaysia didiami oleh kaum Melayu. Kaum Melayu mempunyai kerajaan mereka yang tersendiri. Antara kerajaan awal Melayu ialah Kesultanan Melayu Melaka dan Kedah Tua. Kerajaan-kerajaan ini telah wujud sejak sebelum kemerdekaan tanah Melayu dan Pembentukan Malaysia. Sebelum kemerdekaan muncul campurtangan kuasa asing di tanah Melayu seperti British dan Jepun. Manakala, di Sarawak pula ialah campurtangan keluarga James Brooke atau lebih dikenali sebagai Raja Putih.

Masyarakat Melayu begitu berpegang teguh dengan adat resam kerana ia dipercayai mempunyai kesan dalam kehidupan. Bagi masyarakat Melayu, adat resam perkahwinan begitu dititikberatkan. Sesuatu upacara dalam peringkat perkahwinan itu akan dijalankan dengan meriah dan penuh adat istiadat. Dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu, terdapat beberapa peringkat penting.

Perkahwinan Melayu semakin hari semakin berkembang. Ada sesetengah masyarakat Melayu masih mengamalkan adat perkahwinan Melayu pada zaman dahulu dan ada juga yang tidak lagi mengamalkan adat perkahwinan Melayu yang pernah diamalkan pada zaman dahulu. Sebagai contohnya, pada zaman dahulu bakal pengantin perempuan dilarang keluar daripada rumah seminggu sebelum majlis perkahwinan tetapi pada zaman moden ini, bakal pengantin perempuan tidak mengamal adat tersebut kerana masa cuti yang diberi sebelum perkahwinan hanya dalam lebih kurang 3 hari.

1.2.1 Kronologi Adat Perkahwinan Melayu



Rajah 1 : Kronologi Adat Perkahwinan Melayu

Rajah ini merupakan kronologi adat perkahwinan Melayu pada zaman dahulu dan masih diterapkan sehingga kini. Walaupun ada sesetengah budaya sudah tidak diamalkan oleh sesetengah masyarakat Melayu namun budaya ini masih diamalkan dalam adat perkahwinan Melayu di Malaysia.

1.2.2 Sejarah

Lebih kurang 500 tahun dahulu Melaka telah menjadi pelabuhan yang terpenting di Asia Tenggara.Kerajaan Melaka telah menakluk seluruh Tanah Melayu.Empayar Melaka telah menyatukan Semenanjung Tanah Melayu.Agama Islam telah menjadi panduan bagi orang-orang di Melaka dan menjadi agama bagi orang-orang Melayu.Hampir semua penduduk-penduduk Semenanjung terdiri dari orang-orang Melayu.Selewat tahun 1800, 90 peratus daripada penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Melayu adalah terdiri daripada orang Melayu. Walaubagaimanapun, pada masa itu telah pun berlaku imigrasi penduduk-penduduk dari negara-negara Asia Tenggara yang lain ke Tanah Melayu.

Imigrasi penduduk ini melibatkan kaum cina dan India.Kaum ini telah menjadi penduduk tanah Melayu setelah kemerdekaan Tanah Melayu tercapai pada tarikh 31 Ogos 1957.Selain itu, berlaku penyebaran agama seperti agama Hindu, Buddha, Kristian dan Islam juga semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.Hal ini sebenarnya telah mempengaruhi adat perkahwinan Melayu di Malaysia apabila pembentukan Malaysia berlaku.Proses Asimilasi ini telah menyebabkan adat perkahwinan Melayu dipengaruhi.

Jelaslah bahawa adat perkahwinan masyarakat Melayu mengalami proses transformasi iaitu daripada skala dahulu dan sekarang. Keadaan ini telah menyebabkan adat perkahwinan Melayu semakin mendapat perhatian di Malaysia terutamanya dalam perkahwinan artis terkenal di Malaysia seperti Dato' Siti Nur Haliza.

1.2.3 Majlis- majlis

i. Adat Merisik

Adat ini digelar meninjau atau menengok. Adat ini merupakan tahap awal menjodohkan lelaki dan wanita yang melibatkan pertemuan antara wakil keluarga lelaki dengan orang tua pihak wanita. Pertemuan tersebut dianggap penting untuk menghormati keluarga pihak wanita. Sebagaimana ungkapan dalam adat Melayu kalau hendak meminang anaknya, pinanglah ibu bapanya terlebih dahulu. Ungkapan tersebut menjelaskan bahawa pandangan dan restu orang tua perlu diperoleh terlebih dahulu dalam membuat keputusan yang besar seperti perkawinan. Tujuan adat ini dilakukan adalah untuk memastikan bahawa gadis yang dihajati oleh seorang lelaki itu masih belum berpunya. Hal ini penting kerana dalam Islam seseorang itu dilarang meminang tunangan orang. Adat ini juga bertujuan untuk menyelidik latar belakang si gadis. Lazimnya adat ini akan dijalankan oleh saudara mara terdekat pihak lelaki seperti ibu atau bapa saudaranya. Merisik dilakukan dengan tertib dan sopan untuk menjaga dan memelihara nama baik kedua belah pihak.

Bagi pihak si wanita, terdapat beberapa kriteria yang perlu dipertimbangkan sebelum menerima lamaran pihak lelaki antaranya ialah lelaki tersebut perlulah mempunyai latar belakang agama Islam serta mempunyai pekerjaan yang baik. Apabila wakil pihak lelaki sampai di rumah si wanita, wakil keluarga lelaki akan berbincang mengenai keadaan kehidupan, pekerjaan, maupun isu-isu terkini sembil menikmati jamuan yang dihidangkan dan dihantarkan sendiri oleh si wanita yang ingin dipinangnya.

Pada saat ini, wanita akan menghidangkan jamuan dan pada masa itulah para wakil dari pihak lelaki berkesempatan untuk melihat wajah wanita tersebut. Setelah itu, topik pembicaraan mulai difokuskan untuk menyampaikan maksud kedatangan pihak lelaki, dan pantun untuk merisik mulai diperdengarkan oleh juru cakap mereka. Pada tahap ini, pihak lelaki menyatakan kehendak hati untuk “memetik bunga yang sedang menguntum” apabila wanita tersebut belum memiliki pasangan. Pantun merisik ini diawali oleh pihak keluarga lelaki yang kemudian akandibalas oleh pihak keluarga wanita yang menanyakan maksud kedatangan keluarga lelaki.

ii. Adat Bertunang

Adat ini membawa pengertian bahawa anak dara tersebut sudah pun dimiliki dan kini dipanggil tunangan orang. Tanda yang dihantar oleh lelaki tersebut mengikut adat lazimnya adalah sebentuk cincin sahaja mengikut citarasa dan kemampuan ibu bapa lelaki tersebut.

Namun begitu, bagi masyarakat Melayu, selain cincin, beberapa barang lain turut diberikan seperti sepasang kain dan selendang, kasot , kuih-muih, manisan, dan yang paling utama ialah tepak sirih. Semua hantaran akan dihias dengan cantik dan menarik serta akan dibalas oleh pihak perempuan sebagai tanda setuju menerima pinangan. Jumlah hantaran yang dihantar oleh pihak lelaki akan dibuat dalam angka ganjil dan dibalas lebih oleh pihak perempuan. Contohnya, jika pihak lelaki memberikan tujuh hantaran dulang, biasanya pihak perempuan akan membalas sembilan dulang. Hantaran dari pihak perempuan biasanya tepak sirih, sepersalinan baju melayu, kasot dan kuih-muih.

Adat kemuncak majlis pertunangan adalah adat sarung cincin di mana wakil pihak lelaki yang terdiri dari ibu atau saudara perempuannya akan menyarungkan cincin pertunangan atau cincin tanda ke jari manis gadis yang dilamar. Setelah itu rasmilah sudah pertunangan tersebut.

iii. Akad Nikah

Akad nikah merupakan satu acara penting dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Ia bukan suatu adat tetapi lebih kepada ajaran agama Islam dan merupakan kemuncak kesahihan sesuatu perkahwinan. Upacara ini dijalankan selepas segala perjanjian yang dikenakan kepada pihak lelaki telah dilaksanakan seperti wang belanja, mas kahwin dan barang lain sepetimana yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Akad nikah boleh dilakukan di masjid, di pejabat kadi atau pun di rumah pengantin perempuan dan dijalankan oleh tok kadi atau imam. Di dalam upacara akad nikah, bapa pengantin perempuan perlu menjadi wali untuk menikahkan anaknya. Walau bagaimanapun, dia juga boleh mewakilkannya kepada tok kadi atau imam.

Kebiasaannya majlis akad nikah akan dijalankan di rumah pengantin perempuan sehari sebelum majlis perkahwinan diadakan. Pada hari tersebut, pengantin lelaki akan mengenakan baju melayu berwarna cerah dan majlis diadakan menyerupai majlis pertunangan.

Sementara menanti kedatangan rombongan pengantin lelaki, majlis berzanji atau pukulan kompong diadakan. Sebelum upacara dijalankan, wang belanja, mas kahwin dan lain-lain hantaran akan diperiksa oleh tuan kadi dan dua orang saksi bagi pihak perempuan. Seterusnya pengantin lelaki akan duduk di atas sebidang tikar di tengah-tengah majlis. Tok imam atau tok kadi akan menemui pengantin perempuan di dalam bilik untuk bertanyakan samada dia bersetuju atau tidak dengan pernikahan itu.

Tok kadi juga akan membacakan khutbah nikah dan menerangkan secara umum akan tanggung jawab suami isteri dan lain-lain hal berkaitan rumahtangga dari sudut agama. Selepas itu, tok kadi atau imam akan membacakan lafaz nikah sambil berjabat tangan dengan pengantin lelaki dan pengantin lelaki dikehendaki mengulangnya sebaik sahaja tok imam menggoncangkan tangannya.

Lafaz nikah berbunyi "Aku nikahkan dikau.(nama pengantin perempuan) dengan mas kahwin sebanyak ..(mengikut negeri) tunai" dan disambut oleh pengantin lelaki dengan lafaz berbunyi "Aku terima nikahnya..(sama seperti yang dilafazkan oleh tok kadi). Saksi akan mengesahkan samada lafaz tersebut jelas didengar atau tidak, sekiranya tidak jelas, pengantin lelaki tersebut akan mengulangnya sehingga saksi tersebut berpuas hati. Doa selamat akan dibaca sejurus selepas itu sebagai tanda kesyukuran kerana kedua-dua mempelai telah selamat diijabkabul.

Selepas akad nikah, pengantin lelaki akan melakukan upacara membatalkan air sembahyang. Si suami akan menyarungkan cincin atau memakaikan rantai kepada isterinya yang menanti di dalam bilik yang dihias indah sambil keduanya bersalaman. Adat ini dilakukan sebagai satu simbol bahawa pasangan tersebut telah sah diijabkabulkan.

iv. Majlis Perkahwinan

Sebelum majlis perkahwinan dijalankan, berbagai persiapan akan dijalankan termasuklah mendirikan , khemah tetamu, menyiapkan pelamin dan bilik pengantin serta menyediakan bunga telur. Majlis perkahwinan juga dikenali sebagai hari langsung atau hari bersanding.Ia merupakan kemuncak istiadat perkahwinan dan pada hari inilah pengantin digelar raja sehari.

Majlis perkahwinan diadakan secara meriah dengan dihadiri oleh sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai.Kedua mempelai akan memakai pakaian pengantin, lazimnya baju songket dan dihias indah dengan perhiasannya sekali. Pengantin perempuan akan diandam oleh mak andam sebelum majlis persandingan bermula. Bagi mak andam tradisional, solekan pengantin didahului dengan jampi serapah untuk menaikkan seri muka pengantin dan diberi makan sireh untuk membuang perasaan gemuruh.

Terdapat juga pengantin yang dicukur bulu keping dan dipotong anak rambutnya supaya kelihatan lebih menarik. Adat mengasah gigi juga dilakukan bertujuan untuk meratakan gigi.Namun adat ini sudah tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Melayu hari ini.

Seterusnya, pengantin lelaki akan diarak dengan paluan kompong dan diiringi dengan bunga manggar dari rumah penanggak menuju ke rumah pengantin perempuan. Kedatangan rombongan pengantin lelaki akan disambut dengan taburan beras kunyit. Pengantin perempuan akan menyambut kedatangan pengantin lelaki dan

kemudiannya pasangan pengantin akan dibawa ke halaman rumah dan duduk di tempat khas yang sediakan.

Di samping itu, persembahan pencak silat atau juga dipanggil menyembah pengantin akan diadakan. Seterusnya, pengantin akan akan dibawa naik ke rumah untuk adat bersanding pula.

Terdapat beberapa tempat yang memerlukan pengantin lelaki melalui beberapa halangan di hadapan tangga, di muka pintu atau di atas pelamin untuk mendapatkan pengantin perempuan. Oleh itu wakil pengantin lelaki perlu membayar tebus pintu atau tebus pelamin. Pengantin akan bersanding di atas pelamin yang dihias indah dan antara yang terdapat di atas pelamin ialah bunga pahar. Semasa adat bersanding diadakan, adat merenjis turut dilakukan. Para tetamu dan jemputan yang hadir juga akan diberi bunga telur pada hari tersebut.

1.3 Hipotesis

Hipotesis kajian adalah satu kesimpulan awal yang dibuat oleh pengkaji bagi menentukan hasilan awal kajian yang hendak dilaksanakan atau dijalankan dengan menghubungkan dua atau lebih pembolehubah yang wujud dalam suatu kajian.

Konsep perkahwinan masyarakat Melayu seperti adat dalam menguruskan perkahwinan, pantang larang perkahwinan, tata rias, jenis makanan dan jenis pakaian pengantin masih lagi diamalkan sehingga kini. Asal usul perkahwinan masyarakat Melayu ini berasal daripada Palembang.

Masyarakat Melayu pada masa kini masih mengamalkan adat-adat yang terdapat dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu seperti adat semasa merisik, menghantar duit hantaran, semasa proses pengurusannya dan lain-lain lagi. Terdapat beberapa pantang larang yang mesti dipatuhi semasa melakukan persediaan sesebuah acara perkahwinan. Selain itu, jenis makanan yang dihidangkan juga terdapat dan makanan tradisional masyarakat Melayu seperti kuih-muih basah dan hidangan lain yang berasaskan daging , ayam dan sayuran. Pakaian pengantin yang digunakan semasa acara persandingan juga menggunakan baju adat masyarakat Melayu itu sendiri iaitu baju *Kurung* dan juga menggunakan baju pengantin mengikut model terkini.

Dalam pengurusan persediaan sebelum, semasa dan selepas perkahwinan terdapat beberapa yang pengurusan yang digunakan seperti pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan material.Bagi masyarakat Melayu, pengurusan dari segi tiga aspek ini penting untuk melancarkan sesebuah acara tersebut.Hal ini kerana, kewangan salah satu pengurusan yang penting kerana sesebuah acara perkahwinan memerlukan sumber kewangan yang mencukupi.Seterusnya, sistem pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian pengarahan dan pengawalan juga diaplikasikan dalam menguruskan sesebuah majlis perkahwinan.

1.4 Permasalahan Kajian

Kajian yang dilakukan berkaitan dengan adat perkahwinan Melayu Dahulu Dan Sekarang.Skop kajian berfokus pada perubahan aturcara adat perkahwinan Melayu di Malaysia.Masalah pengaruh barat yang berleluasa telah membawa satu perubahan dalam adat perkahwinan Melayu juga turut dibincangkan. Antara permasalahan kajian termasuklah ; perubahan yang berlaku dalam adat perkahwinan Melayu selepas mengalami pengaruh luar, pengaruh pengisian aturcara perkahwinan Melayu oleh Barat, pengekalan adat perkahwinan Melayu di Malaysia kini, dan, adat perkahwinan Melayukini menerapkan unsur pengaruh barat.

Isu kajian yang difokuskan ialah konsep adat perkahwinan Melayu dahulu dan sekarang.Konsep adat perkahwinan Melayu ini berbeza mengikut peredaran zaman.Namun, adat perkahwinan Melayu masih mempunyai konsep asas dalam perkahwinan Melayu walaupun mengalami perubahan.Konsep asas ini merangkumi pakaian pengantin, makanan, dan hiasan perkakas perkahwinan Melayu.

Isu kajian mengenai sistem pengurusan aturcara adat istiadat perkahwinan Melayu tradisional dan moden juga diberi fokus dalam kajian. Aturcara adat perkahwinan Melayu tradisional dan moden mempunyai perbezaan daripada segi penyusunan majlis. Aturcara majlis kini lebih gemar diadakan di dewan, manakala,aturcara cara dahulu diadakan di rumah pengantin perempuan dan lelaki.Selain iti, aturcara daripada aspek hidangan makanan juga berbeza.Aspek hidangan makanan tetamu sekarang lebih kepadaan system layan diri, manakala, sistem hidangan dahulu dihidangkan kangan.

Seterusnya, isu kajian difokuskan ialah mengenai pemeliharaan adat perkahwinan Melayu oleh badan adat istiadat Melayu secara amnya. Meneliti peranan badan yang bertanggungjawab oleh Majlis Istiadat Melayu Sarawak dan Mahkamah Bumiputera Sarawak.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian sebagai tujuan utama kajian ini dijalankan. Objektif kajian merupakan panduan untuk mendapatkan maklumat secara lebih terperinci. Objektif kajian memfokuskan kepada skop kajian agar tujuan asal kajian tercapai. Berikut merupakan objektif yang ditetapkan:

1) Mengenal pasti konsep adat istiadat perkahwinan Melayu dahulu dan sekarang.

Perkara yang akandikenalpasti ialah konsepadat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang. Perkara yang turut difokuskan ialah transformasi adat ini.

2) Mengkaji sistem pengurusan aturcara adat istiadat perkahwinan Melayu tradisional dan moden.

Perkara yang akan dikaji mengenai sistem pengurusan atur cara adat tradisional dan moden. Perkara yang difokuskan ialah perbezaan antara pengurusan aturcara tradisional dan moden.

3) Meneliti sistem pengurusan pemeliharaan adat tradisional.

Perkara yang difokuskan ialah mengenai pemeliharaan adat perkahwinan Melayu oleh badan adat istiadat Melayu secara amnya. Meneliti peranan badan yang bertanggungjawab dalam memelihara adat ini.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan adalah antara elemen penting untuk mencapai objektif kajian. Dalam penyelidikan mengandungi soalan-soalan yang penting kerana diantara soalan-soalan ini yang akan menimbulkan beberapa soalan untuk mendapatkan maklumat yang penting berkaitan dengan kajian ini daripada pihak yang ditemu bual. Persoalan kajian ini mengenai Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu di Malaysia yang merangkumi aspek dahulu dan sekarang. Persoalan kajian ialah seperti berikut:-

1. Apakah konsep Adat Istiadat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang?

Daripada soalan ini maka timbul soalan-soalan lain seperti yang berkaitan dengan asal usul dan adat perkahwinan, pantang larang, jenis makanan, jenis pakaian, tata rias, material yang digunakan dan lokasi acara. Maka dengan itu nanti diharapkan kesemua maklumat berkaitan dengan objektif pertama nanti akan terjawab.

2. Apakah atur cara adat istiadat perkahwinan Melayu dahulu dan sekarang?

Soalan ini akan digunakan untuk mendapatkan jawapan-jawapan berkaitan dengan sistem aturcara yang digunakan dalam pengurusan acara perkahwinan masyarakat Melayu. Soalan ini menimbulkan soalan-soalan berkaitan dengan pengurusan dari segi perbezaan aturcara perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang.

3. Bagaimanakah pemeliharaan adat tradisional?

Soalan ini juga akan digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan badan bertanggungjawab dalam pengurusan pemeliharaan. Seterusnya, perancangan pemeliharaan masa mendatang agar adat perkahwinan Melayu tradisional tidak tenggelam oleh pengaruh Barat.

1.7 Kerangka kerja

a) Bab Satu : Pengenalan Keseluruhan Kajian

Pengenalan merupakan pendedahan awal kepada kajian dan berfungsi untuk menerangkan secara lebih mendalam mengenai latar belakang kajian. Melalui pendahuluan sesebuah kajian telah digambarkan dengan jelas sebelum melaksanakan kajian dengan lebih mendalam. Pendahuluan memainkan peranan yang besar iaitu sebagai penggerak utama keseluruhan kajian, langkah awal dalam penentuan kajian dan rujukan pada kaedah yang akan dilaksanakan.


b) Bab Dua: Sorotan Kesusasteraan

Sorotan kesusasteraan dijalankan bagi melihat bahan-bahan rujukan dan kajian lepas yang telah dijalankan. Dalam buku yang telah dikaji oleh pengkaji, terdapat beberapa maklumat tentang aspek konsep dan adat perkahwinan yang dapat dikaitkan dengan Adat Istiadat Tradisi Perkahwinan Masyarakat Melayu. Oleh itu, dapat membuktikan bahawa pengkaji lepas banyak mengkaji objek tetapi tidak mengkaji apa yang ingin dikaji iaitu dari segi adat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang. Melalui tinjauan bahan-bahan tersebut, analisa maklumat-maklumat dan membuat huraian ringkas tentang fakta-fakta yang berkaitan pengkaji serta mengaitkannya dengan kajian ini.

c) Bab Tiga: Metodologi Kajian

Metodologi kajian ialah aspek penting didalam kajian kerana ia merupakan hala tuju sesebuah kajian dalam mencapai matlamat kajian. Kaedah yang akan digunakan bagi penyelidikan ini adalah kaedah kualitatif. Seterusnya kaedah kualitatif sangat sesuai dengan kajian ini dan sangat membantu dalam mencapai objektif-objektif kajian dan permasalahan kajian. Antara kaedah yang digunakan adalah kaedah pemerhatian, temu bual, dokumentasi, analisis kajian dan informan-informan kajian.

- 1.7.1 Kerangka Kerja



1.8 Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada masyarakat Melayu dalam konteks adat perkahwinan dahulu dan sekarang. Seterusnya, kajian ini memberi fokus kepada pengurusan berdasarkan pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan material dari sudutdahulu dan sekarang. Pengkaji juga akan mendalami berkenaan dengan konsep teori pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan. Oleh itu, sasaran kajian ini berdasarkan pemerhatian bahawa perkahwinan masyarakat Melayu mendapat perhatian melalui artis dan masyarakat tempatan yang membuat acara perkahwinan secara besar-besaran.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengkaji sejauhmanakah perkembangan adat perkahwinan Melayu masa kini. Kajian ini juga mengkaji tentang pengaruh Tamadun dalam adat perkahwinan Melayu di Malaysia. Seterusnya, Kajian ini menerangkan tentang perbezaan adat Melayu dulu dan sekarang.

Kajian ini juga dapat memperlihatkan pengaruh budaya adat perkahwinan barat yang diterapkan dalam adat perkahwinan Melayu masa kini. Jelaslah bahawa, kajian ini meliputi aspek adat Perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang.

Kepentingan lainnya juga adalah dapat memberi pengetahuan yang baru kepada masyarakat umum mengenai pengurusan perkahwinan khususnya masyarakat Melayu di Kota Samarahan, Sarawak. Disamping itu, dapat mengekalkan keaslian pengurusan adat perkahwinan masyarakat Melayu. Keunikan yang terdapat pada pengurusan perkahwinan masyarakat Melayu harus dikekalkan agar sentiasa menjadi panduan kepada generasi muda masyarakat Melayu pada masa akan datang.

Akhir sekali, Kajian ini penting dalam menyediakan maklumat baru mengenai adat perkahwinan Melayu di Malaysia. Melalui kajian ini juga, segala “Trend” dalam adat perkahwinan Melayu kini dapat dirungkai.

1.10 Rumusan

Bab ini sebenarnya menerangkan latar belakang adat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang. Dalam bab ini juga menerangkan tentang objektif kajian, kenyataan masalah, rangka kerja kajian, persoalan kajian, dan kepentingan kajian. Bab ini penting dalam menentukan hala tujun kajian selepas ini. Jelaslah bahawa bab ini merupakan titik permulaan kajian untuk ke arah kajian yang lebih mendalam. Selanjutnya akan dibincangkan dengan lebih terperinci dan teliti di Bab 2 iaitu dalam sorotan kesusasteraan.

BAB 2

Kajian Literatur

2.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang kajian literatur. Kajian literatur merupakan kajian-kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji lain. Kajian literatur amat penting dalam menentukan hala tuju kajian. Kajian literatur boleh menjadi panduan dalam menganalisis sesuatu perkara. Dalam erti kata lain, kajian literatur merupakan kajian lepas atau terdahulu. Sebelum kajian dijalankan, terlebih dahulu melakukan rujukan terhadap bahan-bahan ilimiah dan kajian.

Seterusnya, kajian literatur ini akan menyoroti literatur kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang bakal dikaji oleh pengkaji menerusi tiga komponen. Komponen kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian ini terdiri daripada adat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang. Selain itu, melihat transformasi dalam adat perkahwinan Melayu kini. Sebelum membuat penulisan, beberapa sumber dikaji untuk mengolah penulisan yang akan dihasilkan dalam kajian ini.

2.2 Hasil Kajian Lepas

a) Adat merisik,meminang,bertunang dan akad nikah.

Dalam buku Kesenian Adat,Kepercayaan dan Petua karya Asmad menerangkan tentang adat resam perkahwinan orang Melayu. Adat resam ini merangkumi tatacara perkahwinan orang Melayu di Nusantara. Dalam buku Adat Budaya karya Iman Ahmad juga menceritakan tentang perkahwinan masyarakat Melayu yang mempunyai beberapa adat sebelum melangkah ke alam perkahwinan seperti adat merisik,meminang,bertunang dan akad nikah.

a) Sejarah asal usul dan kebudayaan

Datu Bindara dan Datu Alang,1992, dalam bukunya bertajuk “Iranun Sejarah dan Adat Tradisi” telah mengupas tentang sejarah dan asal usul masyarakat Iranun termasuklah kebudayaan iaitu adat tradisi Iranun yang menyentuh adat resam yang menyentuh adat resam, ritual Dan adat tradisi Iranun. Melalui kajian tersebut , adat istiadat perkahwinan yang dibincangkan antaranya pakaian pengantin, tatacara pengantin , danhari persandingan.

b) Perbezaan pakaian perkahwinan

Fatimah, 2009, majlis perkahwinan yang diadakan keluarga kelas menengah dibandar berbeza bukan sahaja daripada segi pakaian, tetapi juga warnanya,walaupun warna putih adalah pilihan utama untuk pengantin di majlis akadnikah. Kalau pengantin lelaki memakai baju Melayu dilengkapi songkok dansamping, maka pengantin perempuan pula memakai baju kurung daripadasongket, French lace, sari

atau broked warna putih atau kuning air. Pilihanwarna pakaian pengantin untuk majlis majlis persandingan di hotel dan dewanadalah lebih luas: sama ada biru muda, ungu, merah, merah samar, hijau muda,dan lain-lain sesuai dengan tema. Agar sesuai dengan tema itu, ibu bapapengantin, adik beradiknya dan saudara maranya yang karib juga akan pilihwarna pakaian yang sama. Bukan itu sahaja, bunga telur, buah tangan untuktetamu, air yang diminum juga berwarna yang sama.

c) Cabaran dalam memelihara adat perkahwinan Melayu.

Ismail Zain, 2003,menyatakan“*Cabaran ialah A situation or difficulty that tests ones ability to do something* ataupun *satu situasi atau kesukaran yang menguji kebolehan kita membuat sesuatu*”. Definisi ini menunjukkan bahawa cabaran itu sebenarnya satu situasi atau kesukaran yang perlu kita tempuh. Tanpa kesukaran ia bukanlah cabaran.

d) Perubahan Budaya pada sesuatu institusi khusus

Bronislow Molinowski , 1983, dalam bukunya bertajuk “Dinamik bagi perubahan Budaya satu penyiasatan mengenai perubahan Ras di Afrika” telah menulis artikel mengenai perubahan budaya dan beberapa eseи yang melaporkan rancangan penyelidikan kepada Institusi Antarabangsa Afrika pada tahun 1931. Beliau telah memberi gambaran jelas tentang penggunaan teori mengenai budaya dan perubahan pada institusi yang khusus. Menurut beliau juga, perubahan budaya merupakan proses dengan mana suatu masyarakat yang wujud iaitu peradaban masyarakat , kerohanian dan peradaban kebendaan bertukar menjadi satu susunan masyarakat yang lain.

e) Adat Resam sebagai Tatacara.

Setiap masyarakat di Malaysia mempunyai adat resam dan budaya masing-masing. Adat resam yang diterima oleh sesuatu bangsa merupakan cetusan peraturan dan panduan. Peraturan dan panduan ini merupakan satu garis penentu sesuatu hukum yang dilaksanakan oleh masyarakat tersebut. Sesuatu masyarakat menjalani kehidupan berdasarkan amalan nenek moyang mereka, menyempurna dan melaksanakan amalan nenek moyang sebagai suatu peraturan. Peraturan ini menjadi kebiasaan yang lama-kelamaan menjadi satu kemestian. “... adat resam sebagai tatacara yang diterima mengenai cara makan, bertutur, berjumpa sahabat handai, dan sebagainya atau adat itu ialah cara bertindak yang umum dipercayai secara sosial” .(Mac Iver , 1970).

f) Adat Resam sebagai adat kebiasaan.

Adat resam sebagai adat kebiasaan, aturan-aturan yang menjadi adat resam seperti makan bertertib, bersopan santun ketika bertutur adalah menjadi sifat dan tabiat manusia secara semula jadi yang diikuti turun-temurun (Teuku Iskandar, 1984.). Pentafsiran yang pelbagai tentang adat resam menunjukkan bahawa setiap masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam adalah masyarakat yang hidup bertatacara. Hal ini memperlihatkan kehidupan mereka adalah berlandaskan norma-norma kehidupan positif yang perlu dipatuhi. Adat resam dalam suku bangsa itu juga berlainan cara perlaksanaan dan pemakaianya. Namun, semua itu mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk membentuk satu masyarakat yang maju, dinamik dan progresif.

Istilah adat ditafsirkan dengan pelbagai pengertian oleh banyak sarjana. Adat juga merupakan perkataan Arab yang bermaksud kebiasaan. Dalam konteks masyarakat Melayu pula, istilah adat memberikan pengertian yang lebih luas daripada itu sehingga sukar diberikan pengertian yang kukuh. Kesukaran tersebut timbul antara lain disebabkan penggunaan kata adat yang agak luas dan dalam situasi yang agak tidak begitu terbatas. Tambahan pula dapat dikatakan bahawa setiap suku bangsa mempunyai adat dengan pengertian masing-masing. Justeru itu, untuk membolehkan seseorang memahami maksud adat bagi setiap suku bangsa itu, dia harus memakai budaya dan falsafah hidup mereka (Abdullah Sidek, 1974).

g) Adat sebagai peraturan yang mesti dipatuhi oleh masyarakat.

Pendapat di atas berlainan pula dengan pendapat yang mengatakan adat resam adalah kebiasaan daripada suatu perbuatan yang diulang-ulangkan dan telah diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan hidup yang mesti dipatuhi (Van Dijk, 1974). Dalam pergaulan hidup itu tumbuh dan berkembang kegiatan atau tingkah laku yang menjadi kebiasaan kerana dilakukan berulang kali. Kebiasaan yang sudah tradisional dijadikan normatif , lalu berubah menjadi adat resam. Sesungguhnya adat berasal dari perkataan Arab iaitu kebiasaan, lembaga, resam, peraturan hukum dan tabiat (Sidi Gazalba, 1974).

h) Adat merangkumi segala upacara semenjak kelahiran.

Oleh itu dalam masyarakat Melayu juga terdapat adat resam tersendiri seperti adat resam berkomunikasi, makan dan minum, tatacara menziarahi keluarga, adat perkahwinan, dan merangkumi adat-adat kebiasaan yang lainnya. Adapun adat merangkumi segala upacara semenjak kelahiran sehingga kepada kematian. Antara adat-adat tersebut ialah adat menyambut kelahiran, adat selepas bersalin, berkhatan, mendirikan rumah baru dan lain-lain. (A.Aziz, 1995).

i) Evolusi Budaya.

Masyarakat adalah wadah budaya. Masyarakat membentuk kebudayaan dan kebudayaan pula mengatur kehidupan masyarakat. Hubungan kebudayaan dengan masyarakat tidak boleh dipisahkan. Budaya adalah cara yakni cara berfikir, cara berinterksi, cara merasa, dan cara perlakuan masyarakat. Masyarakat berbudaya harus mampu memanifestasikan perkembangan idea, adat resam, dan imaginasi yang akan memenuhi keperluan dan matlamat (Aziz Deraman, 1992). Sesuatu budaya itu dinamik sifatnya, iaitu berubah mengikut peredaran zaman dan perlakuan manusia yang merintis pembaharuan. Pembaharuan dalam budaya manusia mendatangkan kesan negetif dan positif. Budaya Melayu adalah dinamis dan sentiasa berkembang dari satu zaman ke satu zaman secara bersambungan (Wan Abdul Kadir, 1988).

j) Kebudayaan merangkumi seluruh cara hidup manusia.

Justeru itu, budaya sesuatu kaum akan mengalami perubahan secara perlahan-lahan mengikut zaman. Budaya yang tidak berkembang merupakan budaya yang mundur dan mati. Kesan daripada kemunduran budaya tersebut akan mengakibatkan kemunduran masyarakat. Namun, tidaklah bererti setiap perubahan budaya meendatangkan kesan positif terhadap masyarakat, malah ada yang akan memberikan implikasi yang buruk. Umpamanya budaya yang sangat ditentang oleh agama dan masyarakat. Kebudayaan dari segi ilmu pengetahuan memberikan pengertian yang luas iaitu meliputi seluruh cara hidup manusia, segala daya dan usaha dalam mencari penyelesaian dan kesempurnaan di dunia.(Ismail Hussein, 1966).

k) Kebudayaan merangkumi aspek non-material dan aspek material.

Kebudayaan boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek non-material dan aspek material. Aspek material sebenarnya lahir daripada aspek non-material kerana cetusan pemikiran atau gagasan yang melahirkan sesuatu dalam bentuk kebendaan atau reka cipta. Walaupun ahli sains sosial sering menumpukan konsep budaya pada aspek non-material seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, adat resam, kesenian, nilai, norma dan sebagainya, aspek non-material ini hanya mudah difahami apabila dirujuk pada aspek lahiriahnya seperti tingkah laku, kesenian, adat resam, atau artifek budaya, yang sebenarnya lahir daripada ilmu pengetahuan dan pemikiran manusia (Wan Hashim, 1991).

I) Perkaitan antara manusia dengan kebudayaan.

Ahli antropologi yang telah membuat pengkajian khusus tentang budaya. Dalam kajian tersebut, terdapat lebih kurang 164 definisi budaya yang disentuh dan dimengertikan oleh para sarjana (Kreber dan Kluckhohn 1952). Jelas betapa pelbagai dan tidak seragamnya definisi serta konsepssii seseorang tentang kebudayaan. Antara sumbangan penting masa kini yang memberikan definisi budaya ialah daripada Clifford Greetz dalam bukunya *The Interpretation of Culture*. Greetz yang menggunakan perspektif antropologi simbolik membuat perbandingan bahawa perkaitan antara manusia dengan kebudayaan ibarat binatang yang terperangkap dalam jerat-jerat makna yang ditenun sendiri. Greetz juga menganggap bahawa kebudayaan sesuatu yang berhubung dengan simbol yang tersedia di hadapan umum dan dikenali oleh ahli masyarakat yang berkenaan.

Kesimpulan daripada kajian tersebut, sarjana-sarjana Barat dan Timur mempunyai pandangan ataupun takrifan tentang budaya ataupun kebudayaan yang tidak jauh bezanya. Justeru itu, budaya mempunyai pengertian tertentu dalam konteks sesuatu masyarakat tersebut. Namun, yang jelas konsep budaya luas pengertiannya dan mencakupi semua aspek kehidupan yakni berhubung dengan persoalan persekitaran sama ada fizikal atau sosial. Oleh yang demikian, pengetahuan, kepercayaan, kesenian, keperibadian, dan lain-lain yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu merupakan kebudayaan.

Berdasarkan pendapat-pendapat yang telah dinyatakan budaya bolehlah dirujuk sebagai keseluruhannya cara hidup manusia yang boleh diamalkan dan diterima

secara umum secara positif dan termasuklah fenomena manusia yang berlaku dalam masyarakat yang bukan berunsur biologi. Budaya penting bagi setiap masyarakat kerana ia melambangkan identiti sesuatu bangsa dan masyarakat (Asma,1994). Seperti budaya orang Cina yang menggunakan penyepit atau chopstick ketika makan, sari pula menunjukkan identity kaum India dan orang Melayu dikenali melalui bahasa pertuturan atau pakaian tradisional seperti baju kurung, kebaya, kain batik, dan baju Melayu. Selain itu, budaya juga dapat membezakan sesuatu bangsa dan masyarakat yang berlainan.

m) Kebudayaan adat universal tetapi mempunyai perzaan sesuatu budaya dalam masyarakat yang berbeza.

Setiap individu harus menghormati budaya individu lain kerana ia merupakan cara hidup yang telah sekian lama diamalkan dan ada sesetengah budaya yang berkaitan dengan kepercayaan dan adat resam menyentuh sentimen peribadi sesuatu kaum. Sifat budaya adalah universal tetapi dalam masa yang sama terdapat perbezaan antara budaya satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. (A.Aziz,1994).

n) Perubahan adat yang dibudayakan mengikut peredaran zaman.

Semua orang mesti mengetahui bahawa budaya bersifat dinamik dan akan berubah-ubah mengikut peredaran masa. Perubahan yang berlaku akan memperkaya serta mempelbagaikan lagi budaya itu. Budaya berkembang dan berubah berikutan dengan perubahan masyarakat itu sendiri. Walaupun terdapat pengaruh dari luar ke dalam sesuatu budaya, namun ia bukanlah satu peniruan semata-mata tetapi merupakan perolehan dan penyesuaian yang ditentukan oleh kebudayaan yang menerimanya (Wan Abdul Kadir,1983).

2.3 Rumusan

Bab sorotan kajian ini membincangkan tentang beberapa pendapat berkaitan dengan dengan definisi adat kebudayaan. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang elemen-elemen adat kebudayaan yang mana terbahagi kepada dua kategori iaitu meterial dan bukan meterial. Seterusnya bab ini juga turut menjelaskan tentang kepentingan adat kebudayaan berdasarkan beberapa pendapat daripada kajian-kajian lepas.

Jelaslah bahawa, adat kebudayaan perkahwinan Melayu telah mengalami satu evolusi dari segi pakaian, tentatif adat perkahwinan itu sendiri, dan unsur pemodenan dalam adat perkahwinan adat itu sendiri. Selain itu, adat perkahwinan Melayu di Malaysia sebenarnya mempunyai adat resam yang tersendiri.

BAB 3

Metodologi Penyelidikan

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang kajian metodologi penyelidikan. Othman Mohamed pada tahun 2001 ,menyatakan bahawa pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data. Metodologi merupakan suatu prosedur sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sama aliran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna.

Penyelidik menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk menganalisis dan mendapatkan temu bual.Kajian kualitatif ditakrifkan kajian semulajadi yang tidak mematuhi spesifikasi statistik, seterusnya dapatkan kajian yang diperolehi adalah tidak boleh digeneralisasikan.Oleh itu, kajian kualitatif ini menyumbang sesuatu kepada kajian berstatistik. ‘sesuatu’ bermaksud tidak boleh diukur. (Schostak, John F.2002). Kajian terhadap adat pekahwinan Melayu dahulu dan sekarang menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapat data terperinci dan kukuh.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah dari segi kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pengumpulan data dari responden secara terus melalui temu ramah masyarakat yang berbangsa Melayu. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif. Metodologi ini juga dipilih berikutan bagi menyediakan data terperinci yang dapat dijadikan sebagai bukti dan sandaran kepada kajian yang dijalankan. Seterusnya, metodologi kualitatif juga dapat mengukuhkan lagi kajian dengan menemu ramah seberapa banyak responden. Jelaslah bahawa kajian metodologi yang digunakan ialah kualitatif.

3.2.1 Kaedah Primer

Kajian turut dijalankan menggunakan kaedah primer yang melibatkan pengkaji secara langsung, bertemu dengan sasaran masyarakat yang hendak dikaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian dan eksperimentasi menerusi penyelesian masalah.. Kaedah ini memerlukan pengkaji secara langsung merekod segala perbualan pengkaji dengan orang yang ditemubual. Dalam kaedah primer, temubual saja tidak memadai. Hal ini disokong oleh pemerhatian dalam kajian.

i. Pemerhatian

Selepas melakukan temuabual, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian sebagai medium untuk mendapatkan maklumat. Permohonan dilakukan dengan cara melihat adat perkahwinan Melayu yang berlangsung kini. Berdasarkan pemerhatian, adat perkahwinan Melayu mengalami satu transformasi seperti dalam adat perkahwinan artis Melayu di Malaysia. Kebanyakan perkahwinan artis Melayu Malaysia mengambil serba sedikit adat budaya perkahwinan Barat seperti cara pakaian semasa perkahwinan berlangsung.

ii. Eksperimentasi

Maklumat-maklumat yang diperolehi melalui temuabual dan pemerhatian akan dikumpul dan akan dijalankan eksperimen. Data akan dikumpul dan dianalisis semula. Persoalan yang wujud akan dikaji dan eksperimen akan dijalankan semula. Eksperimen ini akan berterusan sehingga mencapai matlamat hasil kajian.

3.2.2 Kaedah Sekunder

Kaedah sekunder adalah kaedah menganalisa semula data-data yang sedia ada yang dihasilkan oleh pengkaji tentang kajian-kajian yang terdahulu.Kaedah ini dikumpul untuk menambah maklumat dalam kajian ilimiah yang digunakan. Antara sumber yang diperolehi melalui kaedah sekunder antaranya ialah melalui buku rujukan, majalah, artikel dan laman web .

i. Buku Rujukan

Kajian dijalankan dengan pengumpulan daripada bahan bacaan seperti buku rujukan, majalah, untuk memahami dengan lebih jelas dan mendalam pengertian, takrif dan sejarah perkembangan kajian yang ingin difokuskan.Antara buku rujukan yang dirujuk ialah berkaitan dengan adat perkahwinan Melayu.

ii. Laman Web(Internet)

Selain itu, sumber daripada laman web untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian juga digunakan.Melalui sumber ini, kajian mendapatkan maklumat dalam pelbagai jenis artikel dalam dan luar Negara.Laman web membantu pengkaji melihat perkembangan dalam adat perkahwinan Melayu dahulu dan sekarang.Bahagian ini penting dalam mencari sumber bahan bacaan untuk mencari informasi mengenai adat perkahwinan Melayu yang terkini.

3.3 Informan

Informan merupakan perkara penting dalam kajian ini. Informan ialah orang berkepentingan dalam mengkaji adat perkahwinan Melayu. Informan yang dicadangkan ialah seramai dua orang. Ia melibatkan golongan pakar dalam adat perkahwinan Melayu iaitu “Mak Andam”. Mak Andam merupakan pakar dalam hal mengenai adat perkahwinan Melayu termasuklah aturcara perkahwinan dan pakaian yang digunakan untuk bakal pengantin. Selain itu, Mak Andam juga pakar dalam menentukan aturcara perkahwinan. Informan daripda Mak Andam yang dicadangkan ialah seramai dua orang. Jelaslah bahawa Mak Andam merupakan golongan yang tepat untuk ditemuramah.

Kajian akan dijalankan pada bakal pengantin yang akalan melangsungkan perkahwinan dalam masa terdekat. Informan pertama yang ditemubual ialah En. Uddin Bin Anuar. Beliau telah bergiat dalam “Mak Andam” selama lima belas tahun.

Disamping itu, golongan informan kedua yang ditemubual ialah Puan Asyikin. Informan ini penting dalam mendalami objektif kajian mengenai sejauhmanakah adat perkahwinan Melayu dipelihara. Jelaslah bahawa informan yang dicadangkan seramai dua orang. Kaedah yang digunakan untuk dalam menemubual informan ialah kaedah kualitatif. Informan merupakan bahagian penting dalam membuktikan kesahihan fakta.

3.4 Analisis Data

Analisis data dalam konteks kualitatif melalui kaedah menemuramah yang dilakukan dengan merekod segala perbualan orang yang ditemuabual. Selepas proses temu ramah, pengkaji akan mendengar semula rekod untuk mengumpul data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian. Ini merupakan kaedah kualitatif yang paling efektif dan sesuai digunakan bagi memudahkan proses kajian.

Maklumat penting yang dikutip semasa menjalankan kerja lapangan iaitu pemerhatian, temu bual dan juga gambar-gambar yang diambil akan dianalisis. Analisis ini sangat penting kerana ia akan membantu dalam penulisan hasil dapatan kajian di Bab 4 nanti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sahaja maka kaedah analisis maklumat kajian akan menggunakan analisis kualitatif atau paradigm interpretatif dan oleh itu tidak memerlukan bukti yang berdasarkan kepada logika matematik, nombor atau kaedah analisis statistikal.

Kaedah ini akan menjelaskan maklumat-maklumat yang dikutip secara teratur. Penganalisan maklumat-maklumat daripada informan berdasarkan objektif kajian dan setiap maklumat akan dianalisis dan diletakkan dalam bahagian atau sub-sub tertentu. Kaedah yang akan digunakan dalam penulisan hasil dapatan kajian dalam bab 4 mengikut objektif kajian. Segala maklumat yang dikutip melalui kaedah kualitatif seperti kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan dokumentasi akan dianalisis.

3.5 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang pengenalan metodologi, reka bentuk kajian yang digunakan, data analisis dan kesimpulan.Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif.Kaedah kualitatif ini menghasilkan data yang lebih terperinci dan kukuh mengenai adat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang di Malaysia.Bab ini sebenarnya bertujuan untuk menjadi landasan dan rujukan dalam penyelidikan kajian yang sebenar supaya tidak terpesong daripada tujuan asal kajian iaitu melalui objektif kajian.

Analisis kajian yang dibincangkan dapat membantu dengan lebih mudah dalam penulisan perbincangan untuk hasil dapatan kajian. Hal seterusnya akan memberi rumusan dan hasil kajian tentang keputusan dan penyelidikan secara menyeluruh dan spesifik melalui segala makumat-maklumat yang diperoleh daripada kaedah kajian ini dengan teliti di Bab 4 iaitu hasil dapatan kajian.

BAB 4

Analisis Data Dan Dapatan Kajian

4.1 Pengenalan

Bahagian ini akan membincangkan mengenai hasil dapat kajian yang diperoleh. Dapatan kajian akan dimulakan dengan membentangkan isu yang berhubung dengan kajian iaitu daripada aspek konsep adat perkahwinan melayu, sistem pengurusan aturcara adat perkahwinan melayu, dan pemeliharaan adat perkahwinan melayu. Kaedah penganalisisan data yang digunakan dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Analisis data akan dipersembahkan dalam bentuk rajah dan kronologi. Penganalisisan data juga turut dilakukan dengan membuat perbandingan berhubung isu perbezaan adat perkahwinan Melayu dahulu dan sekarang melalui data yang diperoleh.

Analisis terhadap konsep perkahwinan Melayu dikaji daripada segi material iaitu penggunaan jenis kain, jenis pelamin, dan bukan material seperti komunikasi dalam adat perkahwinan Melayu.

4.2 Penganalisan Data

4.2.1 Temubual

Pengkaji telah menjalankan beberapa sesi temuramah bersama informan sepanjang beberapa hari ketika berada di Ratu Sehari Bridal dan Asyikin Beaute & Fashion. Antaranya ialah Encik Jamalludin Bin Brahim ,memegang jawatan sebagai sebagai “Mak Andam” . Informan yang kedua pula ialah Puan Nur Asyikin Abdullah yang memegang jawatan sebagai “Mak Andam “.. Temuramah yang dijalankan adalah secara bersemuka atau komunikasi secara dua hala (face to face).

Melalui soalan temuramah yang dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah temuramah secara tidak berstruktur.Pengkaji menggunakan teknik ini kerana ingin membuatkan suasana temuramah ini tidak terlalu formal dan kelihatan santai namun penuh dengan maklumat dan persoalan yang ingin diajukan.Teknik ini membenarkan informan memberi jawapan secara bebas dan tanpa halangan.Memandangkan semasa sesi temuramah ini dijalankan dan diajukan kepada informan, pengkaji telah menetapkan atau mengkategorikan set-set soalan tersebut kepada beberapa aspek utama.

Hal ini memudahkan pengkaji menganalisa data yang diterima dan seterusnya dapat menjawab hipotesis pengkaji.Aspek-aspek terlibat seperti

mengetahui konsep adat perkahwinan melayu, melihat system pengurusan, dan melihat pemeliharaan adat perkahwinan melayu dahulu.



Gambar 1 : Gambar bersama informan pertama iaitu Encik Jamalludin Bin Brahim.

Nama : Encik Jamalludin Bin Brahim

Jawatan : "Mak Andam"

Berkhidmat : Sudah menjangkau 15 tahun dalam profesion ini.

Kepakaran : Pengurusan perkahwinan (Make up, dekorasi, pelamin, baju pengantin, pintu gerbang, dan bunga telur)



Gambar 2 : Gambar bersama informan kedua iaitu Puan Asyikin Abdullah.

Nama : Puan Asyikin Abdullah

Jawatan : "Mak Andam"

Berkhidmat : Sudah menjangkau 11 tahun dalam profesion ini.

Kepakaran : Pengurusan perkahwinan (Make up, dekorasi, pelamin, baju pengantin, pintu gerbang, bunga telur, menyediakan material perkahwinan seperti manik, dan mengambil tempahan baju pengantin)

4.3 Konsep Adat Perkahwinan Melayu

4.3.1 Jenis kain

Rajah 1 : Jenis Kain dalam Pembuatan Baju Pengatin

| Konsep | Acara | Satin | Bridal Satin | Songket | Broket | Kain less | Sutera | Saluna |
|--------------|-------------------|-------|--------------|---------|--------|-----------|--------|--------|
| Tradisional | Hari Persandingan | | | ✓ | | | | |
| | Malam Berinai | | | ✓ | ✓ | | | |
| | Bertunang | | | ✓ | | | | |
| | Merisik | | | ✓ | | | | |
| Moden | Hari Persandingan | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ |
| | Malam Berinai | ✓ | | | ✓ | | ✓ | |
| | Bertunang | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Merisik | ✓ | | | | | ✓ | |
| Kontemporari | Hari Persandingan | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ |
| | Malam Berinai | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Bertunang | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ |
| | Merisik | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ |

Rajah1 di atas menunjukkan penggunaan kain dalam pembuatan baju pengatin. Penggunaan kain ini boleh menentukan samaada berkonsepkan tradisional, moden , atau kontemporari. Penggunaan kain Songket dalam konsep tradisional lebih ketara kerana songket merupakan elemen kain yang melambangkan sesebuah adat melayu. Warisan songket ini sudah diwarisi sejak zaman nenek moyang kita lagi.

Konsep moden pula lebih tertumpu pada banyak jenis kain. Hal ini kerana tema bergantung kepada permintaan pengantin itu sendiri.Konsep juga bergantung pada pengantin. Konsep kontemporari pula lebih tertumpu pada gabungan kain untuk menampakan gabungan tradisional dan moden.

Pakaian pengantin tradisional atau klasik melambangkan kaum,budaya dan adat resam pengantin itu. Pakaian pengantin zaman dahulu mempunyai gaya klasik seperti baju tradisional orang melayu. Baju tersebut menggunakan kain jenis songket.Pakaian tradisional ini memiliki garis dan corak yang cantik yang diperbuat daripada sutra dan yang dibuat oleh masyarakat melayu sendiri.

Sejarah jahitan kain bermula dengan proses mencantum diantara benda-benda yang terpisah. Bagi manusia pada zaman dahulu mereka mencantumkan kulit-kulit kayu dan juga daun-daun kayu untuk membuat pakaian.Pada sesetengah tempat kulit binatang dicantumkan untuk dijadikan pakaian. Mereka juga menggunakan akar,kulit kayu,serta daun-daun tumbuhan. Manusia telah maju setapak lagi dalam bidang pakaian dengan mencipta benang yang dipintal daripada kapas,bulu domba serta sutera yang kemudiannya dijadikan kain sebagai bahan dasar pakaian.

Kini terdapat pelbagai jenis kain di kota samarahan yang boleh dijadikan pakaian, diantaranya ialah broket, bridal satin, lasuna, satin, kain less ,dan sutera. Setiap daripada jenis kain ini mempunyai kegunaanya yang tersendiri. Untuk pakaian pengantin kain yang biasa digunakan ialah kain songket dan kain satin. Kain ini diperbuat daripada sutera dan harga kain jenis ini sangat mahal kerana tenunannya yang sukar dan nipis, namun kebanyakan permintaan moden diperbuat daripada bahan sintetik seperti polyester atau nilon bagi memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan untuk mencuba kain organza.

Kain satin pula merupakan Janis kain yang ditenun dengan menggunakan teknik serat filaman sehingga memiliki cirri khas permukaan yang kilat dan licin. Jenis kain ini mula dikenali di eropah pada awal abad ke-20. Kain jenis ini sangat digemari kerana akan membuatkan si pemakai kelihatan glamor,sensual dan lebih feminin. Kain ini sangat sesuai untuk dibuat baju melayu dan pakaian pengantin.Perkembangan pakaian pengantin ini berlaku disebatkan berlakunya perkembangan teknologi dalam bidang jahitan iaitu penggunaan mesin jahit.Mesin jahit adalah peralatan mekanis atau elektromanis yang berfungsi untuk menjahit.Sejarah menjahit pakaian menggunakan jarum sudah dimulai pada awal zaman peradaban manusia.

Selepas itu manusia menggunakan jarum logam logam pada sekitar abad ke 14 yang merupakan jarum dengan menggunakan lubang yang umum dijumpai pada saat ini.Penggunaan teknologi ini kekal sehingga ke hari ini.Pada tahun 1755 seorang imigran jerman, Charles weisenthal yang tinggal di inggeris mematenkan penemuan jarum yang khusus dirancangkan untuk sebuah mesin. Terdapat pelbagai jenis mesin jahit iaitu masin

jahid kursus, umum, serba guna, listrik, kaki dan mesin jahit tangan. Dari semasa ke semasa pakaian pengantin ini mengalami perubahan teknologi dan permodenan dalam penghasilannya.

Pakaian pengantin moden seperti pakaian yang bercirikan “ala inggeris” seperti gaun pengantin mempunyai leretan febrik di bahagian belakang. Selain itu terdapat juga pakaian pengantin kontemprari yang merupakan pakaian tradisional yang telah digabungkan antara budaya serta fesyen dan menjadikan pakaian pengantin lebih menyerlah. Pakaian pengantin zaman sekarang juga dihiasi dengan pelbagai jenis labuci dan manik.

4.2.2 Jenis pelamin



Gambar 1 : Menunjukkan pelamin moden (Sumber En. Jamaluddin)

Pelamin ini menunjukkan cirri- cirri moden. Hal ini kerana pelamin tidak menggunakan unsur tradisional dalam perhiasan pelamin. Banyak material moden seperti kain satin , penggunaan sofa pengantin, dan warna putih moden yang berunsurkan Inggeris.



Gambar 2: Menunjukkan Pelamin Kontemporari (sumber En. Jamaluddin)

Gambar 2 menunjukkan unsur kontemporari iaitu gabungan tradisional dan moden. Hal ini dapat dilihat pada penggunaan ukiran melayu tradisional pada bahagian belakang iaitu kayu yang bercorak putih. Unsur moden pula dilihat pada penggunaan kain satin dan warna putih inggeris.

Majlis persandingan dianggap acara kemuncak dalam sesebuah perkahwinan. Bagi menyerikan acara sebelum majlis persandingan dijalankan, pelamin yang berbentuk seperti suatu singgahsana akan disiapkan terlebih dulu dan ia dianggap antara persiapan paling utama. Ini penting kerana ketika pasangan mempelai disandingkan di atas singgahsana itulah beberapa acara adat dilakukan. Pelamin yang dibina akan dilengkapi dengan bangku (kaus) atau dua kerusi dipanggil, peterakna dan di situlah tempat duduk kedua-dua pengantin semasa bersanding.

Pelamin dahulu lazimnya, diperbuat daripada kayu dan kertas tebal yang dibalut serta dihiasi dengan kertas bunga dan kain sutera yang berwarna-warni.Untuk lebih menarik, terdapat pelbagai pelita kecil yang bermacam warna diletakkan di sekeliling bagi menambah keindahannya. Besar mahupun kecil, mahal atau murah, dan elok atau buruknya pelamin itu semua bergantung kepada kemampuan tuan rumah serta kepandaian tukang pelamin. Bagaimanapun, ketinggian pelamin biasanya adalah dua atau tiga tingkat dan setiap satu tingkat hanyalah lebih kurang satu kaki saja tingginya. Bagi menambahkan keindahan pelamin, peterakna atau kaus tempat duduk pengantin ketika bersanding akan dibalut dengan kain sutera atau baldu berwarna-warni dan bertekat sulam yang indah. Peterakna itu diletakkan di tingkat atas sekali dan di hadapannya diletakkan satu pahar berisi nasi kunyit serta dihiasi dengan bunga telur.

Kemuncak gubahan nasi kunyit itu dicacakkan sejambak karangan bunga yang diperbuat daripada kertas perada dan manik jemeki berwarna-warni serta berkilauan.Arus permodenan memperlihatkan penggunaan pelamin semasa majlis perkahwinan semakin bertambah gaya pelamin dan memperlihatkan kemewahan. kebanyakan pelamin memperlihatkan penggunaan gaya yang mewah dan elegan dan berkonseptan barat.

perubahan arus semasa hari ini masih tetap memperlihatkan, kepentingan menyediakan pelamin dalam sesebuah majlis perkahwinan. Dahulu kepakaran tukang amat diperlukan untuk menyediakan pelamin memandangkan kerja menyiapkannya agak rumit dan memerlukan kemahiran tinggi.

Kini, peranan tukang pelamin tidaklah menjadi keutamaan kerana tugas untuk menyiapkan pelamin sudah jauh lebih mudah berbanding dulu. Bagaimanapun, kemahiran dan kreativiti tetap diperlukan bagi individu yang membuat pelamin supaya ia bukan saja sempurna tetapi tampak cantik, berseri serta mendapat perhatian atau tumpuan tetamu.“Peralatan membuat pelamin dulu berat dan memerlukan ramai tenaga kerja manakala kebanyakan kerja yang dibuat memerlukan kemahiran untuk bertukang. Berbanding hari ini, kebanyakan peralatan untuk membuat pelamin didatangkan daripada besi yang boleh dipasang siap dan mudah dicantum-cantumkan sekali gus, kerja menjadi lebih mudah serta cepat.” begitu juga dengan kelengkapan barang lain bagi menghiasi pelamin seperti bantal kecil dan kipas.


Zaman dulu, pastinya begitu mementingkan hasil kerja seni yang tinggi dengan memaparkan keindahan tekat sulaman emas pada bantal kecil dan kipas.Untuk menyiapkan semua itu, sudah tentu mengambil masa dan memerlukan kemahiran tinggi.Berbeza hari ini, kelengkapan seumpama itu banyak yang sudah diubahsuai dan tidak rumit lagi disediakan.“Dari segi menghias pelamin juga sudah berbeza dan perubahan itu berlaku secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian arus zaman serta cita rasa terkini.

Misalnya, suatu ketika dulu penggunaan bunga plastik yang berwarna warni begitu popular bagi menambahkan seri hiasan pelamin tetapi kini penggunaan riben dan renda semakin digemari. Untuk gaya lebih anggun, pelbagai jenis fabrik polos digunakan untuk menghiasi latar belakang pelamin. “Malah, pilihan warna pada pelamin juga ada perubahan ketara.

Dulu, rona kuning menjadi pilihan utama bagi kebanyakan mempelai bagi memperlihatkan konsep ‘Raja Sehari’ tetapi hari ini pilihan warna dan gaya pelamin lebih banyak dipengaruhi tema sesebuah majlis perkahwinan itu.” Selain memilih warna berdasarkan tema majlis perkahwinan, pasangan pengantin juga perlu mengambil kira padanannya dengan warna pakaian dipakai mereka. Fungsi pelamin juga ada perubahan kerana selain menumpukan acara adat bersanding, pelamin juga seolah-olah menjadi ‘studio’ bagi pasangan pengantin merakamkan gambar detik bersejarah mereka ataupun sesi bergambar kenangan bersama ahli keluarga serta rakan. Untuk memberi pilihan kepada pelanggan, perkhidmatan pelamin disediakan menawarkan beberapa gaya hiasan pelamin.

Selain pelbagai gaya rekaan pelamin, mempelai juga boleh memilih gaya reka bentuk kerusi yang digemari ketika duduk bersanding. Ini termasuk gaya kerusi Cleopatra, besi kerawang dan kerusi berasingan. Arus permodenan memperlihatkan penggunaan pelamin semasa majlis perkahwinan semakin bertambah gaya pelamin dan memperlihatkan kemewahan. Kebanyakan pelamin memperlihatkan penggunaan gaya yang mewah dan elegan dan berkONSEPkan barat.

4.2.3 Bukan Material



Pantun merupakan adat dalam perkahwinan melayu sebelum memasuki rumah pengantin seperti dalam adat merisik dan bertunang. Adat pantun ini juga boleh digunakan dalam hari persandingan. Dalam adat perkahwinan melayu dahulu ia sering digunakan. Namun begitu, adat panting dalam adat perkahwinan melayu sudah dilupakan. Masyarakat samarahan lebih gemar berterus terang daripada menggunakan pantun,. Walaupun sedemin, ada sesetengah masyarakat di kota samarahan yang masih menggunakaninya.

4.3 Kronologi adat Perkahwinan Melayu di Kota Samarahan (sistem pengurusan)

4.3.1 Pengurusan Permulaan sampai pengakhiran adat perkahwinan Melayu

a) Adat Merisik

Merupakan permulaan adat perkahwinan yang juga proses awal untuk menentukan calon gadis bakal tunang seseorang teruna. Adat merisik adalah istilah komunikasi lisan yang difahami oleh penduduk kampung tersebut yang memberikan pengertian bahawa seseorang gadis itu sedang diintip, diselidiki ataupun ditinjau oleh wakil pihak lelaki ataupun lelaki itu

Apabila seseorang berhajat untuk berkahwin, ibu bapanya akan melantik wakil daripada keluarga ibu bapanya sendiri ataupun jiran tetangga untuk merisik seseorang gadis untuk dijadikan calon isteri. Rupa paras dan tingkah laku merupakan ciri-ciri penting yang diperlihatkan sebagai penilaian oleh wakil yang mengintip. Perbuatan mengintip dalam adat merisik merupakan komunikasi bukan lisan iaitu gadis itu menjadi objek yang dinilai melalui tingkah laku, cara berjalan, cara pertuturan dan sebagainya.

Setelah pemerhatian dibuat dalam adat merisik, si pemerhati akan melaporkan keputusan itu kepada ibu bapa si pemuda. Biasanya wakil yang membuat tinjauan itu berpengalaman melihat tingkah laku seseorang gadis sama ada sesuai ataupun serasi dengan pemuda itu.

b) Adat Bertunang

Merupakan adat susulan setelah adat merisik dilakukan. Kebiasaannya adat bertunang dilakukan setelah ibu bapa lelaki bersetuju untuk menjadikan gadis yang dirisik bakal menantunya. Bertunang disempurnakan dengan membawa tepak sirih yang lengkap, diisi dengan daun sirih yang elok, kapur, gambir, bunga cengkoh dan pinang yang telah dikacip untuk dipersembahkan kepada keluarga si gadis.

Biasanya dalam adat bertunang, tarikh kedatangan rombongan wakil pihak lelaki telah ditetapkan. Tepak sirih merupakan simbol komunikasi tanpa lisan yang memberikan pengertian tertentu yang dapat difahami oleh kedua-dua belah pihak bergantung pada majlis yang dilakukan.

Mengikut masyarakat Melayu, bertunang bermaksud menghantar tanda dengan menyarung cincin ke jari manis gadis sekali gus menunjukkan kesediaan gadis itu menerima lamaran pemuda itu.

c) Akad Nikah

Merupakan adat wajib mengikut hukum syarak dan peraturan adat masyarakat Melayu. Adat bernikah dilakukan sebelum melakukan majlis persandingan. Adab bernikah merupakan ijab dan Kabul di antara pengantin lelaki dengan bapa pengantin perempuan sebagai wali atau mewakilkannya kepada tok kadi. Sebelum majlis akad nikah, tok kadi akan menyuruh si pengantin lelaki mengucap dua kalimah syahadah dan beristighfar.

Majlis adat bernikah itu juga dijalankan di hadapan dua orang saksi daripada pihak lelaki dan perempuan. Selepas pengucapan kata-kata ijab dan kabul, tok kadi akan menanyakan kedua-dua saksi pihak lelaki dan perempuan sebagai mendapat persetujuan sah bagi kedua-dua belah pihak. Perucapan lafaz “sah” merupakan komunikasi lisan yang bermaksud pernikahan tersebut sah di sisi agama dan adat istiadat masyarakat Melayu. Tok kadi kemudiannya meminta pengantin lelaki dan pengantin perempuan menurunkan tandatangan sebagai satu perjanjian bertulis, iaitu komunikasi tanpa lisan yang bermaksud perkahwinan tersebut dijalankan mengikut undang-undang agama dan tuntutan adat istiadat masyarakat Melayu.

d) Hari Persandingan

Merupakan upacara kemuncak bagi pasangan pengantin yang disatukan, mereka disahkan menjadi suami isteri mengikut hukum syarak dan saluran adat. Dalam adat perkahwinan, pengantin akan melalui empat proses adat iaitu tahap pertama bernikah, tahap kedua membatalkan air sembahyang, tahap ketiga adat persandingan dan tahap keempat adat manziarah. Keempat-empat tahap dalam proses adat perkahwinan ini dijalankan mengikut tertib.

Merupakan tahap terakhir dan kemuncak acara dalam adat perkahwinan. Kebiasaannya, rombongan pengantin lelaki akan datang bersama-sama hantaran seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak ketika dalam adat pertunangan. Pengantin perempuan akan diapit oleh mak andam untuk menjemput pengantin lelaki yang berada di luar kawasan rumah pengantin perempuan. Apabila kedua-dua mempelai menghampiri anak tangga rumah, beras kunyit ditaburkan di anak tangga. Kemudian kedua-dua mempelai akan dibawa duduk di pelamin yang telah disediakan di hadapan para hadirin.

Ketika itu, kedua-dua pengantin diperlakukan seolah-olah mereka sebagai raja. Wakil sebalah pengantin perempuan akan menyambut hantaran yang dibawa oleh pihak lelaki dan diletakkan di hadapan pelamin. Kemudian kedua-dua pengantin yang sedang disandingkan itu direnjis dengan tepung tawar oleh kedua-dua kaum kerabat pengantin lelaki dan pengantin perempuan. Setelah itu, kedua-dua kedua-dua mempelai dibawa ke tempat hidangan pengantin untuk menikmatinya.

4.3.2 Sistem Pengurusan adat perkahwinan Melayu dalam konteks majlis perkahwinan di Kota Samarahan.

Sebelum majlis perkahwinan dijalankan, berbagai persiapan akan dijalankan termasuklah mendirikan bangsal penanggah, khemah tetamu, menyiapkan pelamin dan bilik pengantin serta menyediakan bunga telur. Majlis perkahwinan juga dikenali sebagai hari langsung atau hari bersanding. Ia merupakan kemuncak istiadat perkahwinan dan pada hari inilah pengantin digelar raja sehari.

Pada hari tersebut, majlis diadakan secara meriah dengan dihadiri oleh sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Kedua-dua mempelai akan memakai dengan pakaian pengantin, lazimnya baju songket dan dihias indah dengan perhiasannya sekali. Pengantin perempuan akan diandam oleh mak andam sebelum majlis persandingan bermula. Bagi mak andam tradisional, solekan pengantin didahului dengan jampi seraph untuk menaikkan seri muka pengantin dan diberi makan sireh untuk membuang perasaan gemuruh. Ada juga pengantin yang dicukur bulu keping dan dipotong anak rambutnya supaya kelihatan lebih menarik. Adat mengasah gigi juga dilakukan bertujuan untuk meratakan gigi. Namun adat ini sudah tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Melayu hari ini.

Pengantin lelaki akan diarak dengan paluan kompong dan diiringi dengan bunga manggar dari rumah penanggak menuju ke rumah pengantin perempuan. Kedatangan rombongan pengantin lelaki akan disambut dengan taburan beras kunyit. Pengantin perempuan akan menyambut kedatangan pengantin lelaki dan kemudiannya pasangan pengantin akan dibawa ke halaman rumah dan duduk di tempat khas yang sediakan. Pada kebiasaananya, persembahan pencak silat atau juga dipanggil menyembah pengantin akan diadakan. Selepas itu, pengantin akan akan dibawa naik ke rumah untuk adat bersanding pula.

Di sesetengah tempat di Samarahan, pengantin lelaki terpaksa melalui beberapa halangan di hadapan tangga, di muka pintu atau di atas pelamin untuk mendapatkan pengantin perempuan. Oleh itu wakil pengantin lelaki perlu membayar tebus pintu atau tebus pelamin. Pengantin Diarak Dengan Bunga Manggar . Pelamin yang telah siap dihias akan diserikan lagi dengan pengantin yang bersanding di atas pelamin yang dihias indah dan antara yang terdapat di atas pelamin ialah bunga pahar. Semasa adat bersanding diadakan, adat menepung tawar turut dilakukan. Para tetamu dan jemputan yang hadir juga akan diberi bunga telur pada hari tersebut. Bunga telur yang telah siap digubah Pengantin Berarak Pengantin Bersanding Paluan Kompong Mandi limau Galeri Pengantin

Selepas majlis selesai, kedua-dua pengantin akan bersalaman dengan kedua ibu bapa dan sanak saudara serta hadirin yang datang. Di sesetengah tempat di Samarahan, dua atau tiga hari selepas majlis perkahwinan, pasangan pengantin tersebut akan menjalani upacara mandi sampat atau mandi berlimau. Upacara ini dilakukan sebagai simbol kedua pengantin telah selamat bersatu sebagai pasangan suami isteri yang sah. Dalam upacara ini, kedua pengantin baru akan dimandikan dengan air mayang pinang, air kelapa atau air limau. Adat ini hanya dilakukan di kalangan ahli keluarga terdekat sahaja.

Seminggu selepas itu, adat menyambut menantu atau mengundang menantu akan diadakan. Di sesetengah tempat ia dipanggil majlis bertandang. Majlis perkahwinan akan diadakan pula di rumah pengantin lelaki tetapi sambutannya tidaklah semeriah majlis di rumah pengantin perempuan. Ada juga yang menjalankan majlis bertandang ini dengan hanya mengadakan doa selamat yang dihadiri oleh saudara mara dan jiran sekampung tanpa mengadakan majlis persandingan.

Setelah beberapa hari di rumah pengantin lelaki, pasangan suami-isteri tersebut akan dibawa melawat ke rumah kaum keluarga dan sanak saudara. Tujuannya adalah untuk merapatkan hubungan silaturrahim di samping kedua pengantin dapat berkenalan dengan keluarga kedua belah pihak.

4.3.3 Bunga telur

Bagi masyarakat melayu, bunga telur merupakan alatan yang paling penting semasa hari bersanding. Pada umumnya bunga telur digunakan untuk menghiasi sekitar pelamin pengantin baru dan dijadikan buah tangan untuk semua jemputan kahwin. Bunga telur merujuk kepada kuntum bunga diikat telur dan dipacak pada pulut kuning di kiri dan kanan mempelai. Mengikut orang melayu, telur yang terdapat dalam bunga melambangkan kesuburan. Pemberian telur kepada jemputan kahwin adalah dianggap sebagai mengumpul doa orang ramai agar pasangan kahwin tersebut subur dan mendapat zuriat dalam masa terdekat.

Walaupun kehidupan kini semakin moden dan menyaksikan pelbagai elemen baru dalam seni gubahan perkahwinan, namun penyediaan bunga telur dalam majlis perkahwinan tetap diberi keutamaan. Juga merupakan tradisi yang ditinggalkan oleh nenek moyang yang masih diamalkan. Pemberian bunga telur masih dititikberatkan sama ada digunakan untuk hiasan pelamin atau dihulurkan kepada jemputan kahwin sebagai tanda penghargaan ke atas kesudian meluangkan masa untuk datang. Pada zaman dahulu bunga telur hanya dibuat sendiri menggunakan barang-barang yang murah seperti kertas, penyedut minuman, plastik dan lain-lain yang menjimatkan kos. Batang pisang pula digunakan untuk dicucuk bunga telur. Lama kelamaan tradisi ini walaupun masih kekal diamalkan, pemberian bunga telur sebagai cenderahati atau buah tangan kepada tetamu telah mengalami permodenan.

Pada zaman sekarang tuan rumah melihat pemberian tersebut sebagai buah tangan dan pemberian tersebut menjadi tanda ingatan tentang hari bersejarah tersebut. Bunga telur zaman sekarang mengalami perkembangan teknologi dalam pembuatannya. Alatan untuk membuat sudah dikhkususkan dan terdapat mesin pembuatan bunga.

Arus permodenan juga meemperlihatkan bunga telur sudah tidak dibuat sendiri sebaliknya di beli di kedai-kedai yang menawarkan pelbagai jenis pilihan bunga. Selain pemberian bunga telur , tuan rumah pada masa kini juga telah memilih coklat, kek, gula-gula, tuala, lilin perkahwinan, abun kawin, key chain, alas meja dan sebagainya kepada jemputan berdasarkan

4.4 Pemeliharaan Adat Perkahwinan Melayu

Adat perkahwinan Melayu sebenarnya masih terpelihara . Hal ini demikian kerana, masyarakat di Kota Samarahan masih mengamalkan adat perkahwinan melayu. Hal ini dapat dilihat apabila konsep kontemporari wujud. Apabila kontemporari wujud, maka adat perkahwinan Melayu terdahulu tidak lenyap ditelan zaman. Konsep kontemporari ialah gabungan tradisional dan moden.

Encik Jamalludin selaku ”Mak Andam” menyatakan bahawa permintaan terhadap konsep kontemporari di kota Samarahan adalah yang tertinggi. Ini menunjukkan bahawa masayarakat masih mementingkan adat perkahwinan Melayu yang terdahulu seperti penggunaan kain songket dalam pembuatan baju perkahwinan.

Puan Asyikin juga bersepakat dengan Encik Jamlludin yang menyatakan bahawa Konsep kontemporari menjadi pilihan ramai bakal pengantin di Kota Samarahan. Masyarakat di Kota Samarahn masih mengamalkan budaya malam berinai sehingga hari ini. Malam berinai ini merupakan tradisi dalam adat perkahwinan Melayu yang dahulu. Kebanyakan pengatin di Kota Samarahan menggunakan kain jenis broket untuk malam berinai.

Jelaslah bahawa adat perkahwinan Melayu dahulu masih terpelihara. Hal ini dibuktikan dengan kadar permintaan konsep kontemporari dalam majlis perkahwinan masyarakat di sekitar Kota Samarahan.

4.5 Rumusan

Berdasarkan analisa data yang telah dilakukan terhadap informan melalui kaedah temubual mendapatkan menjawab kesemua objektif kajian yang disasarkan. Pengkaji telah membuat pecahan soalan yang berdasarkan objektif kajian bagi memudahkan informen menjawab soalan yang diajukan sekali gus memudahkan pengkaji mendapat data yang tepat. Selain itu, pengkaji telah menyusun atur bahagian- bahagian yang mengikut objektif kajian untuk dilakukan pecahan semasa menulis kajian ini. Namun begitu, pengkaji telah memperoleh data bagi meneruskan kajian untuk menjawab bab lima nanti. Kesemua data yang diperolehi dalam kajian ini adalah dapat membantu menjawab permasalahan dalam kajian.

BAB 5

Kesimpulan Dan Cadangan Kajian

5.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini, beberapa persoalan akan diutarakan. Setiap persoalan yang ditimbulkan dalam bahagian ini berhubung kait dengan dapatan kajian yang telah dijalankan. Persoalan akan dimulakan dengan membincangkan konsep adat perkahwinan melayu. Perbincangankemudiannya akan disambung denganmelihat sistem pengurusan adat perkahwinan melayu dahulu dan sekarang. Bahagian ini akan diakhiri dengan membincangkan mengenai pemeliharaan adat perkahwinan melayu di kota samarahan. Akhir sekali, kesimpulan daripadahasil kajian yang telah dijalankan serta mengkaji kembali segala objektif yang telah dilakukan pada awal kajian.

Adat perkahwinan Melayu daripada konteks kenduri kahwin juga sudah berubah. Kenduri kahwin diadakan tanpa mengikut masa. Zaman sekarang, kebanyakan kenduri kahwin diadakan pada masa cuti sekolah dengan alasan saudara-mara, sahabat handai berpeluang untuk bersama dan berkumpul. Kini juga, jemputan untuk majlis kenduri kahwin dijemput menggunakan kad jemputan, hubungan telefon dan kemudahan elektronik.

Persiapan kenduri yang melibatkan kerja gotong-royong juga telah diabaikan. Masyarakat lebih cenderung menggunakan khemah pasang siap. Khemah ini

disewa dengan peniaga yang menyediakannya. Ini bermakna, kerja-kerja persiapan tidak memerlukan lagi pertolongan ahli masyarakat. Sehubungan itu, masyarakat sekarang lebih suka mengupah tukang masak profesional dalam bidang masakan. Ini semata-mata untuk memenuhi kepuasan para tetamu.

Dalam banyak hal, tukang andam masih diperlukan. Mak andam sekarang ini, kebanyakannya terdiri daripada golongan muda. Mereka mengenakan alat-alat solek moden dan menyediakan pakaian pengantin yang sesuai dengan perkembangan zaman moden. Ada juga pengantin yang mengenakan beberapa pasang pakaian pengantin. Mak andam juga menawarkan pelamin yang terdiri daripada pelbagai bentuk dan fesyen dengan mengenakan bayaran yang cukup lumayan.

Ini bermakna, zaman sekarang segala keperluan perkahwinan memerlukan perbelanjaan yang besar. Dalam masyarakat Melayu sekarang di kota samarahan, sudah ada unsur berlumba-lumba untuk menunjukkan kemewahan keluarga. Sesetengah keluarga yang kaya, mengadakan majlis kendurinya di hotel besar, tempat peranginan dan perkahwinan ala taman. Keluarga pengantin sanggup membelanjakan wang beribu ringgit, semata-mata untuk menjaga imej dan tahap kemewahan masing-masing.

Walaupun sedemikian, adat perkahwinan Melayu di kota samarahan masih terpelihara. Hal ini kerana, masyarakat di kota samarahan masih mengamalkan adat

perkahwinan melayu yang terdahulu seperti malam berinai atau lebih dikenali sebagai malam belulut. Jelaslah bahawa adat perkahwinan melayu di kota samarahan masih terpelihara walaupon unsur moden telah mempengaruhi.

Jelalsah bahawa adat perkahwinan Melayu di Kota Samarahan masih terpelihara. Namun begitu, Cuma konsep seperti moden, tradisional, dan kontemporari sahaja yang membezakan. Adat perkahwinan melayu moden sebenarnya lebih tertumpu kepada permintaan semasa. Walaupun sedemikian, masyarakat di kota samarahan masih mengamalkan elemen asal dalam adat perkahwinan melayu seperti malam berinai.

Menurut encik Jamlludin selaku “Mak Andam” di kota samarahan, perbezaan antara perkahwinan melayu dahulu dan sekarang sebenarnya bergantung kepada penentuan tradisional atau moden dan kontemporari. Konsep tradisional sebenarnya lebih kepada ketulenan sesebuah perkahwinan melayu yang terdahulu seperti penggunaan kain songket dalam pembuatan baju pengantin. Moden pula merujuk kepada permintaan semasa seperti “trend” di kota samarahan sekarang ialang permintaan kain satin dalam pembuatan baju pengantin. Kontemporari pula ialah gabungan antaradisional dan moden seperti gabungan kain songket dan kain less.

Puan Asyikin ialah selaku informan kedua, beliau menyatakan bahawa sistem pengurusan adat perkahwinan melayu di kota samarahan bergantung kepada bajet bakal

pasangan pengantin. Hal ini demikian kerana, bajet adalah perkara paling penting melancarkan proses berlangsung adat perkahwinan melayu. Beliau juga bersepandapat dengan en. Uddin bahawa perbezaan antara adat perkahwinan melayu dahulu dan sekarang bergantung konsep yang dipilih samaada tradisional, moden, atau kontemporari.

Sistem pengurusan adat perkahwinan melayu di kota samarahan sebenarnya lebih kepada gotong royong iaitu kerjasama antara penduduk kampong. Segala pengrusan adat perkahwinan melayu seperti masak semuanya kerjasama antara masyarakat. Hal ini telah berubah apabila masyarakat melayu di kota samarahn lebih gemar untuk memilih organisasi masakan untuk hari perkahwinan meraka. Namun begitu, masih ada sesetengah masyarakat yang mengamalkan gotong royong seperti perkahwinan melayu di Asajaya.

Perkahwinan Melayu sekarang kebanyakan menggunakan khidmat “Mak Andam” untuk melancarkan apa yang telah dirancang pada permulaan rancangan. Halini demikian kerana “Mak Andam” pakar dalam adat perkahwinan Melayu terutamanya en.Uddin yang menjadi “Mak Andam” selama 25 tahun. Puan asyikin pula telah menjadi “Mak Andam” selama selama 15 tahun. Mereka ini sangat berpengalaman di kota Samarahan.

| Adat Perkahwinan Melayu Dahulu | Adat Perkahwinan Melayu Sekarang |
|--|--|
| 1. Konsep tradisional (menggunakan elemen asal seperti penggunaan kain songket dan bunga telur) | 1. Konsep moden dan kontemporari. (konsep moden seperti acarapotong kek, konsep kontemporari seperti gabungan kain songket dank ain less.) |
| 2. Sistem pengurusan (diuruskan oleh keluarga pengantin dan pengurus tidak langsung seperti kakak pengatin yang mengatur segala persiapan perkahwinan bakal pengantin.) | 2. Sistem pengurusan diserahkan sepenuhnya kepada “Mak Andam”. (segala hal berkaitan seperti solekan, pelamin, dan perhiasan diserahkan kepada syarikat pengurusan perkahwinan dan syarikat itu akan menyerahkan tugas kepada “Mak Andam”. |
| 3. Pemeliharaan adat perkahwinan dahulu sebenarnya sangat terpelihara kerana unsur moden tidak terlalu besar. Masyarakat dahulu lebih gemar mengikut budaya asal yang diamalkan oleh orang yang terdahulu. | 3. Pemeliharaan dat perkahwinan asal melayu sebenarnya terancam, namun begitu adat perkahwinan melayu di kota samarahan sebenarnya masih terpelihara kerana masyarakat di kota samarahan tidak melupakan adat asal seperti elemen kontemporari |

| | |
|--|---------------------------------------|
| | iaitu gabungan tradisional dan moden. |
|--|---------------------------------------|

Jelaslah bahawa, adat perkahwinan Melayu dahulu dan sekarang mempunyai perbezaan. Namun begitu, ia masih terpelihara dengan adanya konsep kontemporari iaitu gabungan tradisional dan moden. Masyarakat di kota samarahan sebenarnya masih mebngamalkan adat perkahwinan melayu yang terdahulu, walaupun ia tidak menyeluruh namun masih diamalkan seperti amalan merisik dan bertunang.

Dapat disimpulkan bahawa adat perkahwinan melayu dahulu dan sekarang adalah bergantung kepada konsep yang ditentukan oleh bakal opasangan pengantin. Konsep tradisional dapat diklasifikasikan dalam kategori adat perkahwinan melayu dahulu. Manakala, konsep moden dan kontemporari dapat diklasifikasikan dalam kategori adat perkahwinan melayu sekarang.

Kesimpulannya, adat perkahwinan melayu dahulu dan sekarang mempunyai perbezaan namun adat perkahwinan melayu sebenarnya masih terpelihara kerana wujudnya unsur kontemporari.

5.2 Rumusan Keseluruhan Bab

Rumusan dan cadangan kajian merupakan bab atau bahagian yang terakhir di dalam kajian ini. Bab ini akan merumuskan keseluruhan bab yang menekankan aspek konsep , pengurusan, dan pemeliharaan adat perkahwinan Melayu.Rumusan kesemua bab dalam penyelidikan ini dan memberikan cadangan berkaitan dengan adat perkahwinan Melayu dahulu dan sekarang. Cadangan dan rumusan akan membantu pengkaji akan datang dalam melanjutkan kajian ini kearah yang lebih baik. Pengkaji juga membuat rumusan dari bab satu, bab dua, bab tiga serta bab empat dan cadangan yang berkaitan dengan tajuk pengkaji pada bab lima.

Dalam bab ini, pengkaji merumuskan tentang objektif kajian merupakan elemen penting dalam penyelidikan agar dapat mencapai kejayaan yang cemerlang. Objektif kajian yang dibuat oleh pengkaji dapat dicapai sekiranya sasaran dan maklumat yang pengkaji perolehi adalah betul. Objektif memainkan peranan yang penting dalam mencapai sesuatu matlamat penyelidikan serta membuktikan penyelidikan yang dilakukan berjaya ataupun tidak berdasarkan kepada objektif kajian.Pengkaji juga menjelaskan tentang permasalahan kajian .Permasalahan yang dikenalpasti dalam kajian penyelidikan ini ialah berkaitan dengan perbezaan adat perkahwinan melayu dahulu dan sekarang.

5.3 Cadangan Kajian

Cadangan pengkaji kepada “Mak Andam” adalah perlu melakukan pelan strategi pengurusan yang melibatkan peranannya dalam mempromosikan gelaran “mak Andam” kepada belia agar lebih dikenali pada masa akan datang. Dengan adanya strategi pengurusan yang bersistematik dapat menarik minat semua lapisan masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti adat perkahwinan melayu secara langsung. Majlis Adat Istiadat Bumiputera Sarawak perlu memainkan peranan yang penting untuk menarik minat golongan muda khususnya. Dengan adanya strategi pengurusan yang baik dan tersusun dapat menjadikan adat perkahwinan Melayu itu lebih terancang dan berkembang dengan pesat tanpa ada sebarang masalah yang timbul.

5.4 Cadangan Pengkaji Akan Datang

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang membuat kajian yang berkaitan dengan mengangkat martabat adat perkahwinan Melayu terdahulu supaya ia diketahui oleh seluruh negeri mahupun ke luar negara. Dengan adanya strategi promosi yang hebat, mahupun cara pengurusan untuk mengendalikannya, secara tidak langsung ianya akan memperkenalkan adat perkahwinan Melayu mengikut keasliannya tersendiri. Selain itu, pengkaji turut mencadangkan kepada pengkaji akan datang untuk membuat kajian tentang pemeliharaan adat perkahwinan Melayu secara spesifik .Ini dapat meneruskan legasi adat adat perkahwinan Melayu tradisional.

Seterusnya adalah berkaitan dengan topik kajian pengkaji iaitu system pengrusan adat perkahwinan Melayu. Pengkaji akan datang boleh memilih skop kajian yang dirasakan perlu tetapi tidak lari dari konteks kajian penyelidikan. Selain itu terdapat beberapa aspek lain lagi yang belum dicapai. Oleh itu, pengkaji menyarankan kepada bakal- bakal pengkaji akan datang yang berminat dengan tajuk adat perkahwinan Melayu ini agar mengetengahkan aspek pengurusan makanan pada hari persandingan. Ini kerana untuk mengetahui system pengrusan makanan pada hari persandingan daripda segi susunan makanan.

5.5 Rumusan

Rumusan yang dapat dibuat oleh pengkaji dalam bab lima ialah mengenai perbezaan antara adat perkahwinan Melayu Dahulu dan Sekarang. Hal ini dapat dilihat menerusi konsep tradisional, moden, dan Kontemporari. Seterusnya ia juga dapat dilihat melalui sistem pengurusan adat perkahwinan melayu dan pemeliharan adat perkahwinan Melayu dahulu. Pengkaji juga mendapati bahawa ketiga-tiga objektif pengkaji dilihat dengan jelas selepas penganilisian data dibuat sama ada semasa dan selepas sesuatu pengurusan majlis perkahwinan. Pengkaji juga mendapati bahawa kajian penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan, dokumentasi untuk tatapan kepada pengkaji masa akan datang. Penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkaitan agar adat perkahwinan Melayu dahulu tidak ditelan arus pemodenan dan akan sentiasa terperlihara dan turut dikenali oleh semua bakal pengantin.

Rujukan

- Wan Hussein Azmi. (1980). “*Islam di Malaysia: Kedatangan Dan Perkembangan (abad 7-20M)*”. *Dalam Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ishak Saat. (2006). *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Shah Alam, Malaysia: Karisma Publication.
- Amran Kasimin.(1995).*Agama Dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asia Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan The& A.Halim Ali. (1999).*Rumpun Melayu Australia Barat*, Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khati Galis. (1990).*Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Bisaya Sarawak*, Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yaacob Harun. (1992).*Keluarga Melayu Bandar Satu Analisis Perubahan* , Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Datu Bandira Datu Alang. (1992).*Iranun Sejarah dan Adat Tradisi* , Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1983).*The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*, Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abang Yusug Puteh. (2008).*Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak Edisi Kedua* , Kuala Lumpur , Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amran Kasimin. (1995). *Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allen J. (2000). *Event Planning*. Canada: John Wiley & Sons Canada Limited.
- Eddy Rosyadia Mohd Samsury. (2009). *Cinta Jodoh & Perkahwinan*: Buku Prima.
- Foster H. B. and Johnson D. C. (2003). *Wedding Dress Across Culture*. New York: Berg, Oxford International Publishers Ltd. 1.
- Idris Mohd Noh.(2008). *Pengurusan di Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Abang Yusuf Puteh. (2008). *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Edisi Kedua.
- Aizzat Mohd. Nasurdin, Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad. (2006). *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions SDN. BHD.
- Prof.Madya D. Abdullah Taib. (1985). *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari. (2002). *Pengantar Perkahwinan danKeluarga*. Serdang: PENERBIT UPM (Universiti Putra Malaysia).
- Zani Bin Ismail.(2004). *Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu*. Terengganu: Bahagian Pemuliharaan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri